

PROMOSI TAHUN BARU CINA HLB CONNECT 2024 [\(English Version\)](#)

Kemas Kini Terakhir pada 23 Januari 2024

TEMPOH PROMOSI

“Promosi Tahun Baru Cina HLB Connect 2024” (“Promosi”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“HLB”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad (200501009144 (686191-W)) (“HLISB”) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “Bank”) bermula pada 24 Januari 2024 dan berakhir pada 27 Februari 2024 (“Tempoh Promosi”), termasuk kedua-dua tarikh, melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi ini (“T&S”):

KELAYAKAN

1. Promosi ini terbuka kepada pelanggan Bank (“Pelanggan”) yang merupakan pelanggan individu HLB Connect Online dan/atau HLB Connect App yang baharu dan sedia ada (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “HLB Connect”) dengan Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun Semasa atau Simpanan-i HLISB (“CASA/CASA-i”) dan/atau HLB Kad Kredit (“Kad Kredit”) (selepas ini dirujuk sebagai “Pelanggan”).
2. Bank berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Pelanggan yang:
 - (i) pada masa lalu atau kini disyaki melakukan perbuatan penipuan, menyalahi undang-undang atau kesalahan berhubung dengan sebarang kemudahan yang diberikan oleh Bank;
 - (ii) sedang menghadapi prosiding kebangkrutan, atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi; dan/atau
 - (iii) telah melanggar mana-mana terma dan syarat CASA/CASA-i dan/atau Kad Kredit, Terma dan Syarat Am Akaun serta Terma dan Syarat untuk penggunaan HLB Connect pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas Tempoh Promosi.

TATACARA PROMOSI DAN PEMILIHAN PEMENANG

3. Untuk menyertai Promosi, Pelanggan mesti memenuhi prasyarat berikut:
 - (i) **daftar untuk HLB Connect** dan **melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Transaksi yang Layak yang berbeza** (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah) antara 24 Januari 2024 hingga 27 Februari 2024 (hanya terpakai untuk pengguna HLB Connect baharu); atau
 - (ii) **log masuk** ke HLB Connect Online dan/atau HLB Connect App dan **melakukan Transaksi yang Layak** (seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah) antara 24 Januari 2024 hingga 27 Februari 2024 untuk memperoleh mata (“Mata”) untuk penyertaan (hanya terpakai untuk pengguna HLB Connect sedia ada).

(Pelanggan yang telah memenuhi keperluan berkaitan yang dinyatakan di bawah Klausula 3 di atas selepas ini dirujuk sebagai “Pelanggan yang Layak”).

4. Bank akan membahagikan Pelanggan yang Layak kepada dua (2) Kumpulan iaitu:
 - (a) pengguna HLB Connect sedia ada (“Kumpulan 1”); dan
 - (b) pengguna HLB Connect baharu (iaitu pelanggan yang mendaftar untuk HLB Connect dari 24 Januari 2024 hingga 27 Februari 2024) (“Kumpulan 2”).

Bilangan pemenang akan diperuntukkan sama rata antara Kumpulan 1 dan Kumpulan 2, mengikut Jadual 1 di bawah.

5. Pelanggan yang Layak yang memenuhi keperluan yang ditetapkan di bawah Klausa 3 akan bertanding untuk memenangi senarai Hadiah, Pulangan Tunai atau e-Baucar ("**Pemenang Hadiah, Pulangan Tunai atau e-Baucar**"), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1

(A) Hadiah				
Tarikh Promosi	Segmen Hadiah	Kaedah Pemilihan Pemenang	Jumlah Bilangan Pemenang untuk Kumpulan 1	Jumlah Bilangan Pemenang untuk Kumpulan 2
24 Januari 2024 – 27 Februari 2024 (35 hari)	Hadiah Utama: Bar Emas 10gm	<ul style="list-style-type: none"> Satu (1) Pemenang daripada Kumpulan 1 dan Kumpulan 2 yang mengumpul Mata tertinggi pada penghujung Tempoh Promosi. Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Promosi. 	1	1
	Hadiah Naib Johan: Vakum Dyson V8 Slim Fluffy+	<ul style="list-style-type: none"> Tiga (3) Pemenang seterusnya daripada Kumpulan 1 dan Kumpulan 2 yang mengumpul Mata tertinggi pada penghujung Tempoh Promosi. Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Promosi. 	3	3
	Hadiah Saguhati: e-baucar Watsons RM200	<ul style="list-style-type: none"> Tiga (3) Pemenang seterusnya daripada Kumpulan 1 dan Kumpulan 2 yang mengumpul Mata tertinggi pada penghujung Tempoh Promosi. Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) Hadiah sepanjang Tempoh Promosi. 	3	3

(B) Pulangan Tunai atau Baucar			
Segmen Pulangan Tunai atau Baucar	Tarikh Promosi	Kaedah Pemilihan Pemenang	Jumlah Peruntukan
<u>Pendaftaran HLB Connect – Pulangan Tunai:</u> Pulangan Tunai RM8	24 Januari 2024 – 27 Februari 2024	<ul style="list-style-type: none"> 388 Pelanggan pertama yang mendaftar untuk HLB Connect dan melakukan sekurang-kurangnya 3 Transaksi yang Layak yang berbeza dalam Jadual 2 di bawah untuk mendapat Pulangan Tunai RM8. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i atau Kad Kredit pada 14 Mei 2024. Pulangan Tunai adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat sehingga jumlah 	RM3,104

		peruntukan untuk Tempoh Promosi habis.	
Tempoh Promosi dari 24 Januari 2024 – 6 Februari 2024			
<u>QR Pay – Pulangan Tunai:</u> Pulangan Tunai sehingga 5%	<u>Promosi Minggu 1:</u> 24 Januari 2024 – 30 Januari 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Bayar peniaga DuitNow dengan QR Pay (minimum RM10) di HLB Connect App menggunakan: <ul style="list-style-type: none"> (i) CASA/CASA-i: <ul style="list-style-type: none"> - Setiap Pelanggan yang Layak boleh mendapat Pulangan Tunai 2%. Dihadkan pada Pulangan Tunai RM2 bagi setiap Pelanggan yang Layak pada setiap Minggu Promosi. - Setiap Pelanggan yang Layak boleh mendapat Pulangan Tunai sehingga RM4 sepanjang Tempoh Promosi. (ii) Kad Kredit: <ul style="list-style-type: none"> - Setiap Pelanggan yang Layak boleh mendapat Pulangan Tunai 5%. Dihadkan pada Pulangan Tunai RM5 bagi setiap Pelanggan yang Layak pada setiap Minggu Promosi. - Setiap Pelanggan yang Layak boleh mendapat Pulangan Tunai sehingga RM10 sepanjang Tempoh Promosi. • Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i atau Kad Kredit pada 14 Mei 2024. Pulangan Tunai adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat sehingga jumlah peruntukan untuk setiap Minggu Promosi habis. 	<u>CASA/CASA-i:</u> RM5,250 <u>Kad Kredit:</u> RM2,250
	<u>Promosi Minggu 2:</u> 31 Januari 2024 – 6 Februari 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i atau Kad Kredit pada 14 Mei 2024. Pulangan Tunai adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat sehingga jumlah peruntukan untuk setiap Minggu Promosi habis. 	<u>CASA/CASA-i:</u> RM5,250 <u>Kad Kredit:</u> RM2,250
<u>JomPAY – Pulangan Tunai:</u> Pulangan Tunai RM0.50	<u>Promosi Minggu 1:</u> 24 Januari 2024 – 30 Januari 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Bayar bil dengan JomPAY (minimum RM10) di HLB Connect menggunakan CASA/CASA-i atau Kad Kredit. • Setiap Pelanggan yang Layak boleh mendapat Pulangan Tunai sehingga RM2 pada setiap Minggu Promosi, dan Pulangan Tunai sehingga RM4 sepanjang Tempoh Promosi. • Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i atau Kad Kredit Pelanggan yang Layak sebelum 14 Mei 2024. Pulangan Tunai adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat sehingga jumlah peruntukan untuk setiap Minggu Promosi habis. 	RM7,500
	<u>Promosi Minggu 2:</u> 31 Januari 2024 – 6 Februari 2024	<ul style="list-style-type: none"> • Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i atau Kad Kredit Pelanggan yang Layak sebelum 14 Mei 2024. Pulangan Tunai adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat sehingga jumlah peruntukan untuk setiap Minggu Promosi habis. 	RM7,500

<u>FPX – Pulangan Tunai:</u> Pulangan Tunai sehingga 5%	<u>Promosi Hari 1:</u> 25 Januari 2024	<ul style="list-style-type: none"> Lakukan pembayaran FPX (minimum RM10) di HLB Connect Online menggunakan: <ul style="list-style-type: none"> <u>(i) CASA/CASA-i:</u> <ul style="list-style-type: none"> Pelanggan yang Layak boleh mendapat Pulangan Tunai 2%. Dihadkan pada Pulangan Tunai RM2 bagi setiap Pelanggan yang Layak pada setiap Hari Promosi. Setiap Pelanggan yang Layak boleh mendapat Pulangan Tunai sehingga RM4 sepanjang Tempoh Promosi. <u>(ii) Kad Kredit:</u> <ul style="list-style-type: none"> Setiap Pelanggan yang Layak boleh mendapat Pulangan Tunai 5%. Dihadkan pada Pulangan Tunai RM5 bagi setiap Pelanggan yang Layak pada setiap Hari Promosi. Setiap Pelanggan yang Layak boleh mendapat Pulangan Tunai sehingga RM10 sepanjang Tempoh Promosi. Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i atau Kad Kredit pada 14 Mei 2024. Pulangan Tunai adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat sehingga jumlah peruntukan untuk setiap Hari Promosi habis. 	RM17,000
	<u>Promosi Hari 2:</u> 2 Februari 2024	<ul style="list-style-type: none"> Pulangan Tunai akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i atau Kad Kredit pada 14 Mei 2024. Pulangan Tunai adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat sehingga jumlah peruntukan untuk setiap Hari Promosi habis. 	RM17,000
Tempoh Promosi dari 7 Februari 2024 – 27 Februari 2024			
<u>QR Pay – Baucar Segera:</u> e-Baucar foodpanda RM2	<u>Promosi Minggu 3:</u> 7 Februari 2024 – 13 Februari 2024	<ul style="list-style-type: none"> Bayar DuitNow peniaga dengan QR Pay (minimum RM10) di HLB Connect App dengan menggunakan CASA/CASA-i atau Kad Kredit. Setiap Pelanggan yang Layak boleh mendapat e-Baucar foodpanda RM2 bagi setiap Minggu Promosi, dan sehingga e-Baucar foodpanda RM6 sepanjang Tempoh Promosi. Kod unik untuk e-Baucar akan dipaparkan serta-merta pada skrin aplikasi anda selepas transaksi berjaya dan akan dihantar ke alamat e-mel anda yang berdaftar dengan Bank. e-Baucar adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat, terhad kepada jumlah mingguan yang diperuntukan untuk Promosi ini, 	RM5,000 / 2,500 e-Baucar
	<u>Promosi Minggu 4:</u> 14 Februari 2024 – 20 Februari 2024	<ul style="list-style-type: none"> e-Baucar adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat, terhad kepada jumlah mingguan yang diperuntukan untuk Promosi ini, 	RM5,000 / 2,500 e-Baucar
	<u>Promosi Minggu 5:</u> 21 Februari 2024 – 27 Februari 2024	<ul style="list-style-type: none"> e-Baucar adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat, terhad kepada jumlah mingguan yang diperuntukan untuk Promosi ini, 	RM5,000 / 2,500 e-Baucar

		seperti yang direkodkan oleh system Bank.	
--	--	---	--

6. Jumlah Hadiah untuk Promosi ini adalah seperti berikut:
- (i) Hadiah Utama terhad kepada dua (2) unit Bar Emas 10gm;
 - (ii) Hadiah Naib Johan terhad kepada enam (6) unit Vakum Dyson V8 Slim Fluffy+; dan
 - (iii) Hadiah Saguhati terhad kepada enam (6) unit e-baucar Watsons bernilai Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM200) setiap satu.
7. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Pemenang untuk Hadiah Utama, Hadiah Naib Johan dan Hadiah Saguhati ("**Pemenang Hadiah**"), Bank akan memperuntukkan Mata kepada setiap Pelanggan yang Layak untuk setiap Transaksi yang Layak yang telah berjaya dilakukan semasa Tempoh Promosi seperti dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah.
8. Pelanggan yang Layak yang pertama mengumpulkan jumlah Mata tertinggi daripada melakukan Transaksi yang Layak yang dinyatakan dalam Jadual 2 di bawah, akan memenangi Hadiah berdasarkan siapa cepat dia dapat, sehingga jumlah bilangan Pemenang untuk setiap kumpulan telah diperuntukkan sepenuhnya, seperti dinyatakan dalam Jadual 1.
9. Sekiranya terdapat dua (2) atau lebih Pelanggan yang Layak dari kumpulan yang sama yang telah mengumpul Mata tertinggi yang sama, Pelanggan yang Layak yang pertama mengumpulkan Mata tertinggi daripada Transaksi yang Layak yang dilakukan akan dipilih sebagai Pemenang Hadiah.
10. Jumlah peruntukan Pulangan Tunai atau e-Baucar untuk Promosi ini terhad kepada:
- (i) Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Tiga Ribu Satu Ratus Empat (**RM3,104**) untuk **pendaftaran HLB Connect**;
 - (ii) Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu (**RM15,000**) untuk **QR Pay** yang dilakukan dari **24 Januari 2024 hingga 6 Februari 2024**;
 - (iii) Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu (**RM15,000**) untuk **JomPAY** yang dilakukan dari **24 Januari 2024 hingga 6 Februari 2024**;
 - (iv) Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Tiga Puluh Empat Ribu (**RM34,000**) untuk **FPX** yang dilakukan pada **25 Januari 2024 dan 2 Februari 2024**; dan
 - (v) e-Baucar Ringgit Malaysia Lima Belas Ribu (**RM15,000**) untuk **QR Pay** yang dilakukan dari **7 Februari 2024 hingga 27 Februari 2024**.
- Pelanggan yang Layak akan diberikan Pulangan Tunai atau e-Baucar ("**Pemenang Pulangan Tunai atau e-Baucar**") berdasarkan siapa cepat dia dapat, mengikut kaedah pemilihan pemenang yang dinyatakan dalam Jadual 1 di atas.
11. Setiap Pemenang yang Layak hanya layak untuk menerima satu (1) Hadiah, sehingga maksimum Pulangan Tunai Ringgit Malaysia Empat Puluh (RM40) dan/atau sehingga maksimum e-Baucar Ringgit Malaysia Enam (RM6) sepanjang Tempoh Promosi, selagi mereka memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam Jadual 1.

Jadual 2

<p>A. Mata Bonus untuk pengguna HLB Connect baharu</p> <ul style="list-style-type: none">• <i>Tempoh Kelayakan: 24 Januari 2024 – 27 Februari 2024</i>• <i>Mata Bonus akan ditambahkan kepada Mata Pelanggan yang Layak yang dicapai melalui (B) pada penghujung Tempoh Promosi.</i>
--

Transaksi yang Layak	Mata Yang Perlu Diperolehi
<p>Daftar untuk HLB Connect dan lakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Transaksi yang Layak yang berbeza dari 24 Januari 2024 hingga 27 Februari 2024.</p>	<p>88 Mata untuk pendaftaran yang berjaya dan telah melakukan sekurang-kurangnya tiga (3) Transaksi yang Layak yang berbeza dan yang berjaya.</p> <p>Catatan: Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum 88 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>B. Mata Transaksi</p> <ul style="list-style-type: none"> Tempoh Kelayakan: 24 Januari 2024 – 27 Februari 2024 	
Pemindahan/Pembayaran	
<p>Lakukan Pindahan ke Luar Negara melalui HLB Connect Online</p>	<p>20 Mata untuk transaksi yang berjaya.</p>
<p>Lakukan pembayaran dengan FPX (minimum RM10 setiap bayaran) melalui HLB Connect Online</p>	<p><u>Bayaran menggunakan Kad Kredit:</u> 10 Mata untuk bayaran yang berjaya.</p> <p><u>Bayaran menggunakan CASA/CASA-i:</u> 8 Mata untuk bayaran yang berjaya.</p> <p>Catatan: Pelanggan yang Layak boleh memperoleh maksimum harian 200 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Lakukan Pembayaran Bil dengan JomPAY (minimum RM10 setiap bayaran) melalui HLB Connect</p>	<p><u>Bayaran menggunakan Kad Kredit:</u> 10 Mata untuk bayaran yang berjaya.</p> <p><u>Bayaran menggunakan CASA/CASA-i:</u> 8 Mata untuk bayaran yang berjaya.</p> <p>Catatan: Pelanggan yang Layak boleh memperoleh maksimum harian 200 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Lakukan Pembayaran DuitNow QR (POS QR) kepada mana-mana peniaga (minimum RM10 setiap bayaran) melalui HB Connect App</p>	<p><u>Bayaran menggunakan Kad Kredit:</u> 5 Mata untuk bayaran yang berjaya.</p> <p><u>Bayaran menggunakan CASA/CASA-i:</u> 3 Mata untuk bayaran yang berjaya.</p> <p>Catatan: Pelanggan yang Layak boleh memperoleh maksimum harian 30 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Lakukan Tambah Nilai Prabayar (minimum RM10 setiap tambah nilai) melalui HLB Connect</p>	<p>5 Mata untuk tambah nilai yang berjaya.</p>

	<p>Catatan: Pelanggan yang Layak boleh memperoleh maksimum harian 100 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Lakukan QR Rentas Sempadan (Cross-Border QR) kepada pedagang asing (minimum RM50 setiap bayaran) melalui HLB Connect App</p>	<p>2 Mata untuk bayaran yang berjaya.</p>
<p>Lakukan Pembayaran DuitNow QR (P2P QR) kepada keluarga dan rakan (minimum RM10 setiap bayaran) melalui HB Connect App</p>	<p>1 Mata untuk bayaran yang berjaya.</p> <p>Catatan: Pelanggan yang Layak boleh memperoleh maksimum harian 10 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Lakukan Pemindahan DuitNow (minimum RM10 setiap pindahan) ke Nombor Mudah Alih/NRIC/Pasport/Pendaftaran Perniagaan melalui HLB Connect dari 24 Januari 2024 – 6 Februari 2024</p>	<p>1 Mata untuk pindahan yang berjaya.</p> <p>Catatan: Pelanggan yang Layak boleh memperoleh maksimum harian 10 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Hantar e-Ang Pow (minimum RM10 setiap pindahan) ke Nombor Mudah Alih/NRIC/Pasport/Pendaftaran Perniagaan melalui HLB Connect dari 7 Februari 2024 – 27 Februari 2024</p>	<p>1 Mata untuk pindahan yang berjaya.</p> <p>Catatan: Pelanggan yang Layak boleh memperoleh maksimum harian 20 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
Deposit & Pelaburan	
<p>Letak eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i melalui HLB Connect</p> <p><i>eDeposit Tetap/eDeposit Tetap-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit.</i></p>	<p>20 Mata untuk peletakan yang berjaya.</p> <p>Catatan: Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum 40 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Labur dana baharu dalam Akaun Pelaburan Berjangka-i melalui HLB Connect Online</p> <p><i>Akaun Pelaburan-i tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke Akaun Pelaburan-i.</i></p>	<p>20 Mata untuk pelaburan baharu yang berjaya.</p> <p>Catatan: Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum 40 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Labur unit baharu atau tambah dana unit amanah sedia ada dengan HLB Wealth (minimum RM50 setiap dana unit amanah) melalui HLB Connect Online</p> <p><i>Pelaburan Unit Amanah tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke Unit Amanah/Skim Amanah Saham Islam.</i></p>	<p>10 Mata untuk pelaburan unit amanah baharu atau tambah nilai dana unit amanah baharu yang sedia ada dan yang berjaya.</p> <p>Catatan: Pelanggan yang Layak boleh memperoleh maksimum harian 100 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Labur dana baharu atau tambah dana sedia ada ASNB (minimum RM50 setiap pelaburan)</p>	<p>10 Mata untuk pelaburan baharu atau tambah nilai dana sedia ada yang berjaya.</p>

<p>melalui HLB Connect Online</p> <p><i>Akaun ASNB tidak dilindungi oleh PIDM. Wang yang dikeluarkan daripada deposit anda yang diinsuranskan tidak lagi dilindungi oleh PIDM jika dipindahkan ke Akaun ASNB.</i></p>	
Aplikasi Produk	
<p>Mohon Kad Kredit HLB melalui HLB Connect Online</p>	<p style="text-align: center;">20 Mata untuk permohonan yang berjaya.</p> <p>Catatan: Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum 20 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Mohon Pinjaman/Pembiayaan-i melalui HLB Connect Online</p>	<p style="text-align: center;">25 Mata untuk permohonan yang berjaya.</p> <p>Catatan: Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum 20 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Mohon Pelan Quick Cash/Balance Transfer/Flexi Payment Plan melalui HLB Connect</p>	<p style="text-align: center;">20 Mata untuk permohonan yang berjaya.</p> <p>Catatan: Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum 40 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Buka Akaun HLB Wallet/Akaun HLB Wallet-i melalui Apply@HLB App</p> <p><i>Akaun HLB Wallet/Akaun HLB Wallet-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit.</i></p>	<p style="text-align: center;">10 Mata untuk pembukaan akaun yang berjaya.</p> <p>Catatan: Pelanggan yang Layak hanya boleh memperoleh maksimum 10 Mata untuk Transaksi yang Layak ini sepanjang Tempoh Promosi.</p>
<p>Buka Akaun Junior 3-dalam-1/Akaun Junior 3-dalam-1-i melalui HLB Connect Online</p> <p><i>Akaun Junior 3-dalam-1/Akaun Junior 3-dalam-1-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit.</i></p>	<p style="text-align: center;">10 Mata untuk pembukaan akaun yang berjaya.</p>
<p>Tukar MYR kepada mata wang asing (minimum RM10 setiap penukaran) dengan Ciri Pelbagai Mata Wang Akaun Pay&Save/Akaun Pay&Save-i atau Akaun HLB Wallet/Akaun HLB Wallet-i melalui HLB Connect</p> <p><i>Akaun Pay&Save/Akaun Pay&Save-i atau Akaun HLB Wallet/Akaun HLB Wallet-i dilindungi oleh PIDM sehingga RM250,000 untuk setiap pendeposit.</i></p>	<p style="text-align: center;">10 Mata untuk penukaran yang berjaya.</p>

PEMENUHAN PROMOSI HADIAH, PULANGAN TUNAI & E-BAUCAR

12. Senarai Pemenang Hadiah, Pulangan Tunai atau e-Baucar akan diterbitkan di <https://www.hlb.com.my/connectcny> ("**Laman Web Promosi**") **pada 1 April 2024**. Menjadi tanggungjawab Pemenang untuk menyemak sama ada mereka telah menang dengan melayari Laman Web Promosi pada tarikh yang ditetapkan.

13. Pemenang Hadiah (sebagai Pemenang Bar Emsa dan Vakum Dyson) akan dihubungi oleh Bank melalui SMS atau pemberitahuan tolak HLB Connect App (berdasarkan maklumat Pelanggan yang Layak dalam rekod Bank) **pada 2 April 2024**. Pemenang Hadiah dikehendaki memberi maklumat terkini dan sah mereka (seperti alamat penghantaran (dalam Malaysia sahaja), nombor telefon mudah alih, dan lain-lain) kepada Bank **antara 2 April 2024 dan 12 April 2024**.

Pemenang Hadiah akan dihubungi oleh syarikat kurier yang dilantik oleh Bank untuk pengaturan penghantaran atau pengumpulan Hadiah (contoh kutipan sendiri di syarikat kurier jika tiada sesiapa tersedia di alamat anda) **antara 14 Mei 2024 dan 28 Mei 2024**, dan sekiranya gagal, Hadiah akan dibatalkan.

Adalah menjadi kewajipan Pemenang Hadiah untuk memberikan maklumat terkini dan sah mereka, dan Bank atau syarikat kurier yang dilantik tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank atau syarikat kurier yang dilantik tidak dapat menghubungi Pemenang Hadiah untuk memenuhi/menghantar atau pengumpulan Hadiah untuk sebarang sebab sekalipun.

14. Pemenang e-baucar Watsons akan dihubungi oleh Bank melalui SMS atau pemberitahuan tolak HLB Connect App (berdasarkan maklumat Pelanggan yang Layak dalam rekod Bank) **pada 2 April 2024**. Pemenang Hadiah dikehendaki untuk membalas kepada Bank **antara 2 April 2024 dan 12 April 2024**.

Pemenang e-baucar Watsons akan menerima e-baucar mereka melalui SMS atau pemberitahuan tolak HLB Connect App (berdasarkan maklumat Pelanggan yang Layak dalam rekod Bank) **pada 14 Mei 2024**. Hadiah adalah tertakluk kepada set terma dan syarat yang dikeluarkan oleh Watson's Personal Care Stores Sdn. Bhd. (199401004213 (289892-V)), yang boleh didapati di <https://www.watsons.com.my/terms-conditions> ("**Laman Web Watsons**"). Pemenang Watsons dikehendaki mengakses Laman Web Watsons untuk melihat terma dan syarat tersebut.

Bank tidak mempunyai kewajipan untuk memberitahu Pemenang Watsons tentang pemenuhan/penghantaran e-baucar. Pelanggan yang Layak dikehendaki menyemak SMS atau akses HLB Connect App mereka pada selang masa yang kerap untuk menyemak status pemenuhan/penghantaran e-baucar.

15. Semua Pulangan Tunai (sebagai Pulangan Tunai daripada pendaftaran HLB Connect, QR Pay (dilakukan dari 24 Januari 2024 hingga 6 Februari 2024), JomPAY dan/atau FPX) akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i dan/atau Kad Kredit Pemenang Pulangan Tunai dengan Bank **pada 14 Mei 2024**. Oleh itu, Pemenang Pulangan Tunai mesti mengekalkan CASA/CASA-i dan/atau Kad Kredit yang aktif dan sah **sehingga 14 Mei 2024**, sekiranya gagal, Pulangan Tunai akan dibatalkan.

Contohnya, jika Pelanggan yang Layak melakukan transaksi FPX menggunakan Kad Kredit mereka, Pulangan Tunai akan dikreditkan ke Kad Kredit tersebut. Jika Pelanggan yang Layak membatalkan Kad Kredit tersebut pada 14 Mei 2024 sebelum Bank berjaya mengkreditkan Pulangan Tunai, Pulangan Tunai tersebut akan dibatalkan.

16. Pemenang e-Baucar foodpanda tertakluk kepada set terma dan syarat yang dikeluarkan oleh Delivery Hero Malaysia Sdn Bhd (201201019422 (989567-W)), yang boleh didapati di <https://www.foodpanda.my/contents/terms-and-conditions.htm> ("**Laman Web foodpanda**"). Pemenang e-Baucar foodpanda dikehendaki mengakses Laman Web foodpanda untuk melihat terma dan syarat tersebut.

17. Adalah menjadi kewajiban semua Pemenang Hadiah, Pulangan Tunai atau e-Baucar untuk menghubungi Bank jika Hadiah, Pulangan Tunai atau e-Baucar tidak diterima **sebelum 28 Mei 2024**, sekiranya gagal Pemenang Hadiah, Pulangan Tunai atau e-Baucar dianggap telah menerima Hadiah, Pulangan Tunai atau e-Baucar dan sebarang tuntutan untuk pembayaran balik **selepas 28 Mei 2024** tidak akan diproses.
18. Hadiah, Pulangan Tunai atau e-Baucar tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan model atau warna lain, wang tunai, kredit pendahuluan, cek atau manfaat barangan.
19. Untuk mengelakkan keraguan, Bank tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah (termasuk tetapi tidak terhad kepada kesahihan dan/atau penggunaan Hadiah dan tidak akan bertanggungjawab untuk menggantikan mana-mana Hadiah yang hilang, dicuri atau rosak). Pemenang Hadiah hendaklah berurusan secara terus dengan pengilang/pembekal untuk sebarang pertanyaan, pertikaian, maklumat waranti atau tuntutan yang berkaitan dengan Hadiah tanpa mendapatkan bantuan daripada Bank. Semua risiko, kerugian, kerosakan dan/atau kecederaan yang berkait dengan penggunaan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang Hadiah.
20. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Bank tidak bertanggungjawab ke atas semua liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan atau kelewatan dalam menyediakan Hadiah, Pulangan Tunai dan e-Baucar disebabkan sebarang keadaan yang tidak dijangka di luar kawalan munasabah Bank.
21. Bank berhak untuk menggantikan Hadiah dan e-Baucar (iaitu e-Baucar foodpanda) dengan apa-apa barangan lain atau Pulangan Tunai yang sama nilai mengikut budi bicaranya dengan notis awal.
22. Hadiah dan e-Baucar akan disediakan secara "Seperti Seadanya". Hadiah dan e-Baucar yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web Bank bertujuan sebagai ilustrasi semata-mata. Sebarang prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah dan e-Baucar dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan dekorasi dan tidak membentuk sebahagian daripada Hadiah dan e-Baucar.

AM

23. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak:
 - (i) mengesahkan bahawa mereka telah membaca, dan memahami T&S dan bersetuju untuk terikat dengan T&S yang terkandung di sini;
 - (ii) bersetuju bahawa semua rekod pengisian syarat yang direkod oleh sistem Bank dalam Tempoh Promosi dan pemilihan untuk Pemenang Hadiah, Pulangan Tunai atau e-Baucar adalah muktamad;
 - (iii) bersetuju bahawa keputusan Bank mengenai semua perkara tentang Promosi adalah muktamad, konklusif dan mengikat semua Pelanggan yang Layak;
 - (iv) memberi kebenaran dan kuasa kepada Bank untuk mendedahkan data peribadi mereka iaitu nama, nombor hubungan dan alamat rumah/kerja kepada pembekal pihak ketiga yang sah termasuk syarikat kurier yang dilantik oleh Bank untuk pemenuhan/penghantaran atau pengumpulan Hadiah untuk Promosi ini, dan mana-mana pembekal perkhidmatan lain yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS dan/atau e-mel bagi tujuan Promosi ini seperti Infobip Asia Pacific Sdn Bhd (201001014145 (898379-U)) dan/atau DCatalyst Sdn Bhd (200801017996 (819292-U));
 - (v) bersetuju untuk bertanggungjawab memberikan kepada Bank butiran hubungan mereka yang sah dan terkini termasuk nombor telefon mudah alih, alamat e-mel dan alamat rumah/kerja, dan memaklumkan Bank dengan segera sekiranya berlaku sebarang perubahan. Bank tidak akan bertanggungjawab sekiranya Bank tidak dapat menghubungi Pelanggan yang Layak, jika berkenaan, disebabkan nombor telefon mudah alih, alamat e-

- mel dan/atau alamat rumah/kerja yang tidak tepat/tidah sah, yang diberikan oleh Pelanggan yang Layak;
- (vi) membenarkan Bank untuk menggunakan, mendedahkan atau menyiarkan data peribadi (iaitu, nama dan ID bertopeng dan/atau nombor akaun) untuk tujuan publisiti, pengiklanan atau promosi dalam mana-mana media tanpa bayaran;
 - (vii) bersetuju untuk mengakses Laman Web Promosi pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Promosi dan memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut;
 - (viii) bersetuju bahawa sebarang SMS dan/atau e-mel yang dihantar kepada Pelanggan yang Layak bergantung sepenuhnya pada ketersediaan dan kualiti perkhidmatan/penyedia rangkaian yang berkaitan dan memahami sepenuhnya bahawa Bank tidak mempunyai sebarang kawalan dalam keadaan sedemikian:
 - (a) SMS tertangguh, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran disebabkan kesesakan trafik SMS, kegagalan rangkaian dan/atau gangguan yang mungkin dialami oleh rangkaian telekomunikasi yang berkaitan; and/atau
 - (b) e-mel ditangguhkan, tidak dihantar atau menghadapi sebarang isu penghantaran oleh penyedia perkhidmatan e-mel yang berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengalihan atau penapisan e-mel tersebut sebagai junk atau spam e-mel oleh penyedia perkhidmatan e-mel Pelanggan yang Layak(selepas ini dirujuk sebagai "**Kegagalan Rangkaian**").
Oleh demikian, Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang kerugian atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga akibat sebarang kelewatan atau kegagalan dalam menerima sebarang penghantaran SMS dan/atau e-mel daripada Bank disebabkan oleh Kegagalan Rangkaian. Tiada rayuan atas kelewatan atau kegagalan tersebut akan diproses;
 - (ix) bersetuju untuk bertanggungjawab ke atas sebarang caj telekomunikasi atau Wi-Fi, caj perayauan atau telefon, sama ada di dalam atau di luar Malaysia hasil daripada komunikasi dengan Bank yang berkaitan dengan Promosi ini; dan
 - (x) bersetuju untuk bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Promosi ini.
24. Bank berhak:
- (i) dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan yang Layak, untuk menambah, memadam, menggantung atau meminda T&S yang terkandung dengan cara menyiarkan tambahan, pemadaman, penggantungan atau pindaan T&S atau penamatan Promosi ini di Laman Web Promosi; dan
 - (ii) menarik balik Hadiah, Pulangan Tunai atau e-Baucar sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mematuhi sebarang T&S di sini, terma dan syarat CASA/CASA-i dan/atau Kad Kredit, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat untuk penggunaan HLB Connect, dan semua undang-undang/peraturan lain yang berkenaan.
25. Sebagai tambahan kepada T&S yang ditetapkan di sini, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa terma dan syarat CASA/CASA-i dan/atau Kad Kredit, Terma dan Syarat Am Akaun, serta Terma dan Syarat untuk penggunaan HLB Connect hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan berkaitan dengan Promosi ini, T&S yang terkandung di sini akan digunakan bagi merangkumi percanggahan tersebut.
26. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara T&S yang terkandung di sini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain yang berhubung atau berkait dengan Promosi ini, T&S terakhir pada Laman Web Promosi akan diguna pakai.
27. T&S ini akan ditadbir dan dianggap mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

28. Melainkan dinyatakan sebaliknya, perkataan yang menunjukkan satu jantina termasuk semua jantina yang lain dan perkataan yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S ini, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my atau hubungi 03-7626 8899.